

13/10/2003

Kejayaan urus negara dikagumi, jadi contoh

RANTAU PANJANG: Malaysia membuktikan kemampuannya mengurus negara dengan baik sehingga menjadi contoh kepada negara besar dunia.

Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamed, berkata walaupun kecil, usaha Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berjaya meletakkan negara ini sebagai negara Islam maju.

"Walaupun bilangan penduduk dan saiz yang kecil, peranan kita melebihi peranan negara besar dunia.

"Ini kerana kebijaksanaan Dr Mahathir bersama barisan kepemimpinan yang diterajui Umno dan Barisan Nasional (BN) bersuara bagi meyakinkan negara besar mengenai pendirian kita.

"Kebolehan beliau akhirnya diiktiraf sebagai pemimpin negara ketiga yang dihormati serta disegani," katanya kepada pemberita selepas perasmian ulang tahun Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (Rela), di Sekolah Menengah Kebangsaan Tiang Chandi, Lubok Jong, dekat sini semalam.

Beliau yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, berkata kepemimpinan Umno dan BN sentiasa bersuara atas landasan yang benar dan mempunyai fakta.

"Jika kita hendak mainkan peranan, kita harus membuktikan bahawa kita mampu untuk mengurus diri. Kita dapat mengurus diri kita dengan baik dan kita dapat memberi teladan," katanya.

Beliau memberi contoh, pengiktirafan negara lain terhadap Malaysia menerusi penghormatan sebagai tuan rumah sidang kemuncak Negara-Negara Berkecuali (NAM) dan sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 .

Sehubungan itu, beliau yakin Malaysia akan terus berfungsi dalam arena antarabangsa di bawah kepemimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi apabila mengambil alih jawatan Perdana Menteri kelak.

Terdahulu, ketika berucap pada perasmian Nadwah Islam Hadhari di Malaysia di Sekolah Menengah Kebangsaan Putera, Kota Bharu, Mustapa berkata, ulama dan umarak perlu seiring dalam usaha memperkayakan ilmu di kalangan umat Islam negara ini.